



## **KAMPUNG MANIS BAKAL DIBANGUNKAN, UBAH LANDKASP KAWASAN SETINGGAN KEPADA PEMBANGUNAN MODEN DAN TERANCANG**

SEBERANG PERAI TENGAH, 16 Januari 2024 – Kampung Manis yang terletak di atas tanah kereta api hak milik Perbadanan Aset Keretapi (RAC) di sini, bakal berubah wajah menjadi sebuah kawasan yang moden dan membangun tidak lama lagi.

Potensi perkampungan setingan yang mempunyai keluasan 36.72 ekar itu telah diketengahkan melalui Pameran Hartanah RAC 2023 yang diadakan pada 24 Ogos 2023. Selain Kampung Manis, tanah kereta api di Bukit Tengah, yang mana turut dipamerkan pada program tersebut juga menerima cadangan pembangunan secara *Request for Proposal* (RFP).

Sehubungan itu, bagi merealisasikan cadangan pembangunan Kampung Manis, satu Memorandum Persefahaman telah ditandatangani oleh Ketua Pegawai Eksekutif RAC, YBhg. Dato' Azhar bin Ahmad dan Lembaga Perumahan Negeri Pulau Pinang (LPNPP) diwakili oleh Pengurus Besar agensi tersebut iaitu YBhg. Puan 'Ainul Fadhilah Binti Samsudi. Majlis menandatangani memorandum ini telah disaksikan oleh YAB Tuan Chow Kon Yeow Ketua Menteri Pulau Pinang, YB Tuan Loke Siew Fook Menteri Pengangkutan dan YB Tuan Jagdeep Singh Deo A/L Karpal Singh, Timbalan Ketua Menteri II Pulau Pinang.

Melalui memorandum persefahaman ini, LPNPP sebagai agensi kerajaan negeri yang berperanan dalam hal ehwal perumahan untuk golongan berpendapatan rendah dan sederhana adalah penting sebagai pihak yang akan membantu Perbadanan ini dalam penyusunan semula setinggan-setinggan di Kampung Manis bagi memastikan tiada penduduk yang tercicir.

Sejak 2012, langkah membangunkan tanah-tanah kereta api kepada kawasan yang berdensiti tinggi adalah tidak asing lagi buat RAC. Malah bagi tanah-tanah yang terletak bersebelahan atau berhampiran dengan stesen-stesen kereta api, konsep pembangunan berasaskan transit atau TOD telah menjadi tumpuan RAC dalam setiap perancangannya.

Menteri Pengangkutan dalam ucapannya berkata cadangan pembangunan yang bakal dilaksanakan di Kampung Manis bukan sahaja akan mengubah landskap kawasan itu, malah akan menambah baik kualiti persekitaran serta kehidupan masyarakat setempat. Ia juga merupakan kaedah paling berkesan untuk merancakkan nilai hartanah, sekaligus menarik pelaburan baharu serta merangsang ekonomi di kawasan berkenaan.

“Berdasarkan Rancangan Tempatan Seberang Perai 2030, zon guna tanah bagi ketiga-tiga lot ini telah digazetkan sebagai industri dan pengangkutan serta komersial yang amat sesuai untuk dibangunkan. Dengan adanya pembangunan di kawasan tersebut, ia dapat menyokong hala tuju dan fokus utama Kementerian Pengangkutan pada 2024 yang berhasrat untuk memperkasa jaringan ketersambungan dan kebolehcapaian sistem pengangkutan awam dan logistik,” katanya.

Beliau menekankan konsep pembangunan yang bakal dilaksanakan ini sudah pastinya akan mengambil kira keperluan mewujudkan komponen perumahan, dan dalam aspek ini, perumahan mampu milik harus diberi penekanan.

Katanya, komponen ini perlu dititikberatkan bagi menyokong usaha Kerajaan untuk meningkatkan kualiti hidup dan aksesibiliti kepada rakyat.

“Dengan adanya akses pengangkutan awam yang baik kelak, sedikit sebanyak ia akan membantu golongan berpendapatan rendah dan sederhana untuk memiliki rumah. Pada masa yang sama juga dapat membantu mengurangkan kebergantungan kepada kenderaan persendirian dan menggalakkan penggunaan pengangkutan awam”, katanya.

Berdasarkan bancian yang terkini, RAC telah mengenalpasti sebanyak 239 struktur setingan dengan 277 struktur merupakan kediaman. Baki 38 struktur lagi adalah struktur lain-lain yang terdiri daripada komersial, rumah-rumah ibadat dan fasiliti awam iaitu balai raya dan gelanggang futsal.

Dalam merealisasikan hasrat ini, peranan pemain-pemain industri hartanah perlu dilibatkan secara aktif disamping sokongan dan dokongan daripada Kerajaan Negeri bagi memastikan cadangan projek pembangunan ini dapat dilaksanakan dalam tempoh masa yang ditetapkan.

Turut hadir menyaksikan pemeteraian memorandum ini adalah Yang Berhormat Dato' Seri Sundarajoo A/L Somu EXCO Perumahan dan Alam Sekitar Negeri Pulau Pinang dan YBhg. Dato' Jana Santhiran Muniayan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan, yang juga Pengerusi Lembaga Pengarah RAC.

Sekian, terima kasih.

**- TAMAT -**

**PERBADANAN ASET KERETAPI**

**16 Januari 2024**

**Tentang RAC:**

Perbadanan Aset Keretapi (RAC) merupakan Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan. RAC ditubuhkan di bawah Akta Keretapi 1991 (Akta 463) dan beroperasi sepenuhnya sebagai sebuah organisasi pada 1 Ogos 1992. Dengan penggubalan akta tersebut, semua aset kereta api yang dahulunya di bawah urus tadbir KTM dan tanah kereta api yang berada di bawah Pesuruhjaya Tanah Persekutuan (PTP) adalah terletak kepada RAC manakala operasi perkhidmatan kereta api dikendalikan oleh syarikat pengganti iaitu Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB). Perbadanan ini berperanan sebagai pengurus dan perancang perniagaan bagi menjaga dan menterjemah aset-aset kereta api kepada sesuatu harta yang bernilai dan mampu menjana pendapatan berterusan untuk Kerajaan.

Pertanyaan Media:

**Unit Hal Ehwal Korporat**

**Perbadanan Aset Keretapi**

Pegawai Perhubungan Awam:

Puan Ane Salfarizan Mispani

E-mel: [salfarizan@rac.gov.my](mailto:salfarizan@rac.gov.my)

012-659 4256

Umum:

No Tel: 603-8939 0200

No Faks: 603-8939 022